

REGIME CHANGE

Chedet.co.cc

February 13, 2012

By Tun Dr. Mahathir Mohamad

1. Amerika Syarikat bersama dengan negara-negara Eropah lain dan juga Israel berhajat untuk melakukan "regime change", iaitu menukar kerajaan-kerajaan negara-negara di dunia yang tidak menyokong mereka.

2. Mereka akan melakukan "regime change" ini melalui pelbagai cara. Di Iraq mereka melaksanakan "sanction" sekatan dagangan pada mulanya dan kemudian berperang dengan Saddam Hussein untuk menukar kerajaan Iraq. Dan mereka berjaya.

3. Mereka juga cuba menukar kerajaan Iran dengan menghasut dan membantu Iraq untuk berperang dengan Iran. Usaha ini gagal. Hari ini mereka masih mencuba dengan menyekat negara-negara di dunia daripada membeli minyak Iran.

4. Perancangan dibuat untuk menukar kerajaan Syria menggunakan berbagai-bagai sekatan kewangan dan dagangan, serta membantu pemberontakan melawan Kerajaan Syria. Usaha ini sedang diteruskan.

5. Di negara-negara Arab apabila ada pemberontakan untuk menjatuhkan kerajaan, Amerika dan Eropah memberi bantuan wang dan senjata, bahkan melancarkan serangan bersenjata untuk menjatuhkan kerajaan yang tidak disukai oleh mereka.

6. Di Chile dahulu, Presiden Allende yang dipilih oleh rakyat melalui proses demokrasi, dibunuh oleh agen-agen Amerika supaya Jeneral Pinochet yang disokong oleh Amerika dapat menjadi Presiden. Amerika lebih suka seorang diktator yang ganas daripada pemimpin yang demokratik jika ianya tidak sokong Amerika.

7. Dimana-mana sahaja Amerika dan Eropah memberi bantuan mengguna media mereka untuk memburuk kerajaan tertentu supaya rakyat digerak untuk mengguling kerajaan yang tidak baik dengan Amerika dan Eropah.

8. Di Indonesia sokongan diberi kepada tenteranya untuk menjatuhkan Sukarno. Kemudian pelbagai jenis tekanan diguna untuk menjatuhkan Presiden Suharto.

9. Dimana sahaja kita lihat Amerika bersama Eropah dan Israel, tidak berhenti-henti mencuba menjayakan "regime change" supaya dapat mereka kuasai semua negara di dunia.

10. Apakah Malaysia tidak menjadi sasaran untuk "regime change"? Memang pun Malaysia menjadi calon untuk "regime change" kerana Malaysia tidak mengiktiraf Israel dan mengkritik beberapa dasar Amerika Syarikat.

11. Calon Amerika dan Israel untuk mendiri kerajaan boneka ialah Anwar Ibrahim. Sejak awal lagi mereka menjalin hubungan yang rapat dengan Anwar.

12. Anwar pula ternampak jelas menganggap sokongan Amerika boleh menjayakan cita-citanya untuk menjadi Perdana Menteri Malaysia. Oleh itu Anwar memberi gambaran bahawa ia adalah seorang liberal yang terima dan sokong konsep-konsep kebaratan seperti hak asasi manusia, kebebasan dalam serba-serbi, sikap anti-kroni dan rasuah kononnya, penolakan DEB yang dikatakan menindas kaum tertentu di Malaysia dan bermacam lagi yang boleh mendapat pujian dan sokongan oleh Amerika. Ia cukup berjaya kerana Amerika anggap Anwar amat layak untuk melaksanakan "regime change" di Malaysia.

13. Pelobi yang amat berkesan di Amerika ialah orang Yahudi. Ramai dari kawan-kawan Anwar di Amerika seperti Paul Wolfowitz, Cohen dan lain-lain adalah dari kumpulan neo-con yang mencipta dasar penaklukan dunia oleh Amerika (Project for the new American Century).

14. Demikian apabila Anwar dihadapkan di mahkamah kerana tuduhan liwat, mereka mengecam Malaysia kerana kononnya menghalang cita-cita Anwar untuk menjadi Perdana Menteri Malaysia. Sudah tentu jika Anwar tidak dapat menjadi Perdana Menteri maka gagallah rancangan "regime change" Amerika.

15. Tidak hairanlah kenyataan Anwar bahawa ia menyokong segala tindakan untuk keselamatan bagi Israel. Sudah tentu ini akan menarik sokongan Amerika dan media mereka. Orang Palestine tidak boleh menolong Anwar.

16. Melihat sokongan Amerika kepadanya Anwar Ibrahim adalah calon Amerika untuk melakukan "regime change" di Malaysia dengan menjadi Perdana Menteri Malaysia. Kerajaan yang ada sekarang tidak disenangi oleh Amerika kerana bersikap berkecuali, berbaik-baik dengan Cina dan Russia dan tidak menyokong sentimen Amerika terhadap Iran dan beberapa negara lain.

17. Adalah menjadi harapan Amerika, apabila "regime change" berjaya di Malaysia dan

Anwar menjadi Perdana Menteri maka mungkin Malaysia akan ada hubungan diplomatik dengan Israel dan menjauhkan diri dari perjuangan Palestine. Dengan ini sebuah kerajaan boneka akan tertubuh di Malaysia yang akan sokong apa sahaja usaha Amerika untuk menakluk dunia.

17. I would like to know of instances, in the years Tun Dzaidin was Chief Justice, when I had interfered with the courts in any way.

18. Perhaps Tun Dzaidin might be able to tell more about lobbying for high judicial appointments. Malay adats have a very powerful role in the governance of this country.

44 Comments

#

soundheart

February 23, 2012 at 6:09 pm | Permalink

Jika MASIH ragu-ragu dengan pandangan Tun sila bandingkan dengan video ini. Cuba kaitkan Hubungan, Kawan dan Kaitan Anwar dengan mereka dan Sila NILAIKAN sendiri.

NEOCON AGENDA (Palestine, Islamic World dan Regime Change.)

Radio Republic Broadcasting Network with Dr. Stephen Sniegowski dan Lt Col Karen Kwiatkowski semenjak. 2006.

Listen carefully at minute 0:21, 0:45, 0:50, 1:35.

<http://www.youtube.com/watch?v=u4MdyJDnSoI>

Iraq, the Neocons and the Israel Lobby – John Mearsheimer

Min 3:05, 3:50, 5:32-5 :43

<http://www.youtube.com/watch?v=htmO1Cyl73s>

Adakah ianya secara KEBETULAN atau pihak Anti Zionist dan Anti American Imperialism di Barat telah dapat mejejak langkah mereka sejak dahulu. Cuma Di Malaysia masih ramai yang sanggup BERTAKBIR mengangkat Anwar Ibrahim sebagai PM yang sekiranya PR menang kelak.

#

eanisazman's Gravatar eanisazman

February 21, 2012 at 1:06 am | Permalink

Salam Tun dan Semua,

Keakraban Anwar dengan tokoh Yahudi di barat memang telah lama membimbangkan saya. Kelantangan Al-Gore menghina Tun dalam majlis jemputan kerajaan Malaysia kerana memperjuangkan Anwar adalah sangat ketara.

Segala puji-pujian dari Wolfowitz keatas Anwar terlalu berbeza dengan layanan buruk yang Tun terima. Karpit merah dibentangkan kepada Anwar padahal apabila giliran Tun kena menunggu lama. Jangan2 dia ni menjual maklumat rahsia kerajaan kepada Amerika. Yelah, nombor 2 dalam negara mesti tau banyak

rahsia sulit kerajaan.

Tetapi sayangnya tokoh yang disayangi Amerika dan Israel ini tak dapat jadi PM. Well, kena jugak jadikan dia PM. At any cost. Nanti senang nak 'memantau' Malaysia. Diluar lantang menyokong Amerika dan Israel, di Malaysia berdolak-dalih. Dalam interview tak sebut langsung pasal Palestine tapi kat Malaysian cakap pasal two-states. Dah jadi stereo-type dia cakap belit-belit. Kini dia cakap Tun lah sebenarnya agen Israel

Tak semua yang fanatik dengan dia. Yang fanatik dengan dia tak boleh cakap apa dah. Apa dia buat semua salah BN. Salah dia takde sebab dia Imam Mahadi datang dari langit. Bagi yang liberal pulak dialah tokoh yang memperjuangkan human right. Kebolehan Anwar ini ialah dia dapat menjadi kesayangan Yahudi dan memimpin umat Islam dalam masa yang sama. Tak macam Tun, ketara sangat 'anti-semitik'nya, hmmm. Macam mana pulak orang yang anti semitik ni boleh jadi agen Israel.

Daripada New World Order 1991, Iran-Iraq war, 9-11 followed by decision to invade Iraq, Afghanistan sehinggalah Arab Spring 2011. Terlalu ketara pembabitan dan penguasaan Amerika terhadap dunia. Malaysia juga secara tak langsung 'akur'. Tapi berbeza dengan serangan Soros agen Yahudi ini terhadap ekonomi Malaysia dan negara2 Asia, serangan kali ini berbentuk suara halus tapi boleh merobohkan kerajaan sedia ada yang dianggap tidak 'sesuai' oleh Amerika. Suara halus ini nampak terlalu ideal bagi orang yang liberal. Budaya dan ideologi lapuk umat Islam haruslah ditukar kepada yang boleh diterima Amerika dan Israel. Oleh itu bantuan kewangan dan latihan juga disalurkan oleh NDI.

Kepada bukan Bumiputra, peluang ini akan 'mempercepatkan' Wawasan 2020. Lagipun dah lama meluat dengan isu Melayu dan Islam. Sekarang ini kita boleh dapati orang Melayu sendiri membenci perjuangan berasaskan bangsa ini. Isu ini nampak remeh temeh dan kolot. Perasaan orang2 Melayu tidak diambil kira sebab Anwar juga Melayu. Konsep negara Islam PAS pertama sekali harus dibuang. Depan orang LGBT cakap lain depan tokoh ulama cakap lain.

Apa yang saya fikir, dua ideologi yang sangat jauh ini tidak akan dapat berdiri elok kemudian hari. Ia akan menyebabkan Malaysia akan jadi 'failed' state macam negara Islam yang jatuh ditempat lain. Mesti salah satu akan give-in. Sikap talam dua muka boleh mendatangkan hasil sementara tapi tidak untuk jangka masa panjang. Jikalau terjadi pertembungan akibat perubahan dasar yang drastik maka terjadilah perpecahan dan perang saudara.

Formula yang ada telah menjamin kesajehtaraan negara sejak merdeka kecuali 13 Mei 1969. Tarikh ini tak patut diulangi. Bibit kebencian yang disebarkan akan memberi kesan lain. Wawasan 2020 mengandungi formula yang lebih baik walaupun lama untuk dikecapi. Imbangan yang baik yang dapat menyatukan bangsa. Tergopoh-gapah secara drastik tanpa semaian yang baik akan membuatkan lebih parah.

Masalahnya ialah ramai yang suka bercakap tapi kurang kerja. Nak bersatu kena berbaik dan saling memahami. Kena tingkatkan usaha. Tapi ahli politik bergaduh berebut kuasa rakyat naik emosi menang sorak kampung tergadai. Cakap apa pun pergi sekolah lain-lain duduk asing asing. Depan Melayu cakap lain depan Cina cakap lain depan India cakap lain.

Yang kurangnya kita sekarang ini ialah usaha meningkatkan penyatuan kaum. Adakah ini yang kita nampak sekarang. Sebaliknya kita semakin berpecah. Agenda Yahudi mungkin akan berhasil tapi susah senangnya kita yang tanggung.

Kalau formula dan ideology BN itu salah, dah lama Anwar kata salah. Dia ni bodoh sangat ke nak kena buang baru menjerit-jerit menyalahkan BN. Kata lebih intelektual, awal2 patut dah tau konsep dan

formula yang diperjuangkan BN itu salah. Apakah yang anda cuba perjuangkan sebenarnya?

#

carlosptaseh's Gravatar carlosptaseh
February 19, 2012 at 6:30 pm | Permalink

YBhg Tun dan pengikut ruangan ini....

Kelantangan Tun dalam memperjuangkan isu-isu Palestin dan dunia ketiga dan membidas sikap Amerika dan barat terhadap isu-isu berkaitan keadilan, politik, ekonomi, alam sekitar, kebudayaan dan lain-lain lagi dengan fakta-fakta bernas dan tepat telah membuka mata banyak pihak amat merisaukan Amerika dan barat yang diketahui dikuasai oleh kapitalis zionis. Tun digambarkan anti AS dan semitik. Semasa Tun melawat negara-negara luar mahupun didalam negara sidang akhbar Tun begitu popular dengan kehadiran wartawan-wartawan asing yang ingin memerangkap Tun dengan soalan-soalan yang berkaitan isu-isu tertentu tetapi Tun menjawab dengan fakta dan ketepatan sehingga mematikan soalan seterusnya.

Amerika dan barat tidak akan membiarkan perkara ini. Untuk menjatuhkan kerajaan ketika itu ialah dengan menyokong pembangkang dan melalui NGO-NGO yang mereka taja. Mereka juga pakar strategi iaitu tentangan dari pihak luar kerajaan mungkin kurang berjaya maka cara yang lebih berkesan ialah cara dalaman iaitu menaja orang dari parti memerintah yang semestinya UMNO.

Tun akui sendiri DSAI masuk UMNO kerana lebih mudah jadi PM dari sertai PAS. DSAI hampir hampir jadi PM sebelum Tun pecatnya. Sudah pasti AS dan kuncu-kuncu terkejut kerana orang yang ditaja tidak berjaya melakukan pertukaran rejim seperti yang berlaku di Indonesia ketika itu. Kenyataan Soros dan Al Gore ketika itu membuktikan sokongan dan peranan AS kepada DSAI.

Dakwaan Raja Petra Kamaruddin dalam "Malaysia Today" tentang peranan John Soh dalam cubaan "regime change" 16 September 08 juga perlu diberi perhatian oleh kerajaan dan orang Melayu khususnya. Maknanya AS dan kuncu-kuncu mungkin telah menaja ramai individu dalam kalangan pemimpin kerajaan sendiri (Umno dan Parti Komponen BN) malah individu-individu terkaya di Malaysia. Kehadiran agen-agen asing seperti Mossad, CIA dan lain-lain mungkin telah ada dan sedang merancang dan menjalankan "undercover" di Malaysia. Pendatang asing yang tiada latihan ketenteraan pun begitu mudah menyusup maka apasaja boleh dilakukan oleh pasukan elit yang terlatih seperti Mossad, CIA dll. Dakwaan RPK juga mungkin boleh berlaku kepada menteri-menteri yang ditaja oleh billionaire tertentu untuk kepentingan perniagaan mereka.

Ini adalah cabaran keselamatan yang paling mencabar untuk negara Malaysia yang diserang dari berbagai hala. Kemasukan dadah dan pendatang asing yang begitu mudah (masuk cara haram dahulu kemudian buat pasport di Malaysia) memberikan gambaran salah bagaimana Malaysia mudah ditembusi. Pengampunan dan pemutihan yang kerap juga menggalakan kemasukan PATI.

Sudah tiba masanya pasukan risikan tentera, polis, kastam, SPRM, APMM dan lain-lain digabungkan dan dikoordinasi menjadi Agensi Perisikan Nasional Malaysia dan diperkuatkan. Perisikan yang berkesan adalah strategi cegah rintang yang terbaik. Tindakan awal lebih berkesan sebelum ianya parah. Ahli politik yang bersekongkol dengan kuasa asing, pengedaran dadah rentas sempadan, tekong tekong pendatang haram atau yang membocorkan maklumat kepada perisikan asing akan dapat dibenteras. Perisik asing dan penganas juga akan mudah dikesan dan di pantau. Keberkesanan perisikan sepatutnya dapat mengesan kecenderungan DSAI pada masa yang lepas.

Sentiasa berdoa agar Malaysia terus aman, bebas dan merdeka serta menjadi suara dunia ketiga semula dalam memperjuangkan isu-isu keadilan sejagat.

#

Nikmat's Gravatar Nikmat

February 19, 2012 at 8:03 am | Permalink

Assalamu'alaikum wr wb

Yg Amat Berbahagia Tuan Guru Tun Dr Mahathir Yg DiRahmati Allah.

1. Terima kasih tidak terhingga kerna maklumat TGDrM bagi tajuk ini.
2. Kami yg waras amat menyokong dan bersetuju dgn nya.
3. Kami amat marah dengan Anwar kerana dia adalah perosak/pemusnah bangsa dan negara
4. Dalam pada itu, ternampaklah bahawa N.ajis cakap merapu?, N.ajis cakap tak serupa bikin? Yang jelas N.ajis adalah penyokong Anwar.
5. Kami juga setuju dengan GenerasiDM, tetapi kesihan dengan HBT456 yang nampaknya masih keliru.

Takbir kita AllahuAkbar! takbir taqwa...,
bukan takbir org PAS takbir politik.

TQ, TGDrM

#

sitinur's Gravatar sitinur

February 18, 2012 at 1:22 pm | Permalink

anwar....? saper...!?

#

AdiY's Gravatar AdiY

February 18, 2012 at 10:03 am | Permalink

KUALA LUMPUR 17 Feb. – Perpecahan politik dalam kalangan umat Islam tempatan kini melampaui batas yang digariskan Islam serta nilai budaya kemasyarakatan sehingga merugikan golongan itu sendiri.

Timbalan Dekan, Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof. Datuk Dr. Mahmood Zuhdi Abdul Majid (gambar) berkata, perpecahan itu amat berbahaya kerana mampu menenggelamkan pendapat serta teguran yang ingin disampaikan oleh golongan ilmuwan Islam.

Katanya, perkara itu amat menyedihkan kerana ia membantutkan percambahan idea dalam kalangan cendekiawan sehingga membuatkan ada kalangan mereka enggan menyatakan pandangan secara terbuka.

“Saya ada berkongsi kajian saya dengan pembaca internet mengenai keupayaan Kelantan mengeksport 5,000 lembu ke Singapura setiap tahun bermula sekitar 1911.

“Tidak semena-mena, ada komen menulis lembu itu duduk di kondominium di Singapura dan ia mengundang komen negatif daripada pihak lain sehingga saya tidak lagi mahu kongsi (dapatan kajian),” katanya.

Beliau berkata demikian sewaktu menjadi ahli panel sesi pertama Himpunan Ulama, Cendekiawan Islam dan Penulis Maya Kebangsaan 2012 bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak di sini malam ini.

Perbincangan itu turut menampilkan Mufti Perak, Tan Sri Harussani Zakaria dan Pengerusi Jawatankuasa Kerja Himpunan Ulama Muda Malaysia (iLMU), Fathul Bari Mat Jahaya.

Mahmood menambah, setiap ahli politik Islam digalakkan mempunyai cita-cita menjadi pemimpin tertinggi negara asalkan ia dicapai menerusi cara yang sentiasa berlandaskan ajaran agama.

Paling penting, kata beliau, pemimpin itu harus sentiasa menjaga kedaulatan agama Islam dalam mencapai cita-cita tersebut.

“Jangan kita ingat kita boleh mengubah sesetengah perkara dalam mengejar cita-cita kita dan akan memperbetulkan semula bila berkuasa nanti. Jam itu nanti tidak boleh dipusing semula,” tegasnya.

:: Profesor pun dah tenggelam punca ::

“ia mengundang komen negatif daripada pihak lain sehingga saya tidak lagi mahu kongsi”..
Profesor pun merajuk ???

ini teguran dari prof mahmood zuhdi, juga seorang ahli dalam kitab dan sunnah dari Universiti ISLAM Antarabangsa.

“Jika Kamu Berpegang Teguh Kepada Kitab Allah dan Sunnah Rasul Allah, PASTI Kamu Tidak Akan Tersesat Selama-lamanya ”

- petikan daripada Hadith Nabi ketika Haji Wida’

#

Tuntuah's Gravatar Tuntuah

February 18, 2012 at 2:37 am | Permalink

pkp people are stubborn

whatever, semua umno. sampai nuar sokong israel pun umno nyer konspirasi.

aper umno beli wsj ker? aper umno kontrol the jews ker? bodoh dan otak sempit betul pkp nih. tau la lubang kunyit tu sempit. sampai otak pun sempit jugak?

so saper sokong pkp maka dier sokong pembunuhan rakyat palestin. itulah kesimpulannyer.

#

feru's Gravatar feru

February 17, 2012 at 1:39 am | Permalink

Dear Tun,

Anwar has never led the country, what he said in the wall street journal is nothing compared to what BN has been doing all this while.. on the surface its obvious that we Malaysia have been rejecting Israel and their policies but is this all true? I'ts disappointing to see how most ppl here “think” that we don't support Israel.. and their policies.. everyone knows that Israel have always use proxies and they are never the front man, Israel has been using Global power especially UK & US to force their ideas and policies on us..

we are going to sign a pact with the US.. the TPP or something which include cyber laws, US laws on Malaysians? why? ain't our acta siber good enough? if not make it good but do we need US to keep an eye on Malaysians?

what abt the recent sanctions on Iran? didn't we stop sending them palm oil after US pressure on

Malaysia?

Tun, I can state more examples on how we Malaysia have been supporting them through their proxies but I also understand that their power is too strong for our leaders to go against them including yourself.. I have so much respect for you when you voiced out against Israel in the UN assembly, The whole Muslim world is proud of you but even you had your limitations.

Israel have always stuck to their policies which is controlling both sides of a nation, the government and the opposition.. so in the end of the day whoever wins "THEY" still win.. peace

<http://newkidontheblog-feru.blogspot.com>

#

juks's Gravatar juks

February 16, 2012 at 10:36 pm | Permalink

Adui Encik Sudin,

If only the Bumis ran the country without others, Malaysia wouldnt be where it is today. You seem to forget how much others have contributed to our economy. You seem to forget chinese pay 90percent of taxes. You seem to forget that pvt sectors are ruled by minorities. That statement is extremely outrageous and you would be lucky that you are do not live in the more urban areas. You would be crucified for making a statement like that. I bet you and your kids champion ketuanan Melayu. Where would you be the day a new government takes over. I would love to see you on the streets championing your nonsense then. I see sedition charges being put your way.

On your statement `Mereka mendidik anak2 dari kecil lagi supaya tidak bergaul dengan anak2 Bumiputra! ` , where on earth do you come off making a statement like that? Jesus christ, I seriously cant believe there are ppl like you in the world today. I want to see you on the streets making a statement like that please. Bring your kids along as well while youre at it.

Also, what terima kasih do you want? Your scholarships and every subsidy given by the govn is paid for by minorities. What terima kasih do you want? Maybe if someone donated a car to you, that will shut you up. Name your price.

#

fadzireen's Gravatar fadzireen

February 16, 2012 at 5:11 pm | Permalink

Salam TUN,

Metamorphosis of love affairs between US and Israel is by Zionists design.

After the end of World War Two,the spark that ignited the chemistry is out of US pitiness for Israel.

US interests grew more after Israel war successes against its immediate Arab neighbours.

The Torah (five books of Moses) says that the Jews are the peoples chosen to be in a covenant of God.

In modern times,they are chosen by US to be their 'Brothers in Arm',history repeats itself.

Israel is so pents up willing to take the lead role (hachet man) in attacking Iran under the guise of antisemitism.

A word even dreaded by the United Nations.

Another unique case of Ular Lidi Telan Ular Sawar

The Jewish Lobby group,subtly can even influence the selection of the US Presidential candidates.

So,the current debates for selecting the ideal candidates is just a rhetoric,which is equivalent to 'American Idols' reality shows

In our local scene,'Sikit Sikit mahu debat' aping them.

During the dawn on the creation of Israel by US,The League of Nations mandated the British to control

the country (which consists of 95% Palestinians) until Palestinians can rule themselves.
The US govt supported the Hagana (a guerrilla army) and Stern Gang (a terrorist organisation) to intimidate and force out the Palestinians to leave the country
In order to frustrate and force the British to leave, the Stern Gang bombed St David Hotel, killing many British administrative personnels.
Israel was formed by guerrillas and terrorists financed by US.
So, the Zionists aspirations was realised.

Statistics gathered from 'Ifamericansknew.org'

(1) Children killed since Sept 29 2000.

Palestinians: 1,463 Israelis: 124

(2) Adults killed since Sept 29 2000.

Palestinians: 6,430 Israelis: 1,084

(3) Military Aids received from US, 2011

Palestinians: NIL Israelis: USD8.2 Mil

per day

(4) Palestinians prisoners held by Israelis

NIL

Israelis prisoners held by Palestinians

5,300

(5) Palestinians home destroyed by Israelis

24,813

Israelis home destroyed by Palestinians

NIL

(6) Unemployment rate

Palestinians: West Bank 16.5%

Gaza 40%

Israelis: 6.4%

(7) Illegal settlements

Palestinians built on Israelis land: NIL

Israelis built on Palestinians land: 238

This Israelis/Palestinians episode until solved is known as The Dark ages of Blind American Justice

#

sudin's Gravatar sudin

February 16, 2012 at 5:04 pm | Permalink

Salam Tun.

Kebanyakan rakyat Malaysia dah tahu (termasuk orang2 Cina & India) bahawa Anwar maniac ni sememangnya boneka yahudi, kecuali penyokong2 taksub PAS & PKR yang berketurunan Melayu saja berpura2 tak tahu atau sengaja tak mahu ambil tahu, kerana terlalu seronok dan bermegah dengan kebodohan mereka!

Penyakit paling serius orang2 Melayu ialah:

1. Terlalu ramai bilangan yang senang sangat untuk dibrainwash dan seterusnya menjadi taksub sesat!
2. Terlalu mudah diperkuda dan diperalat sebagai alibaba oleh Cina sehingga sanggup menggadai bangsa sendiri semata2 kerana kebendaan peribadi.

3. Ada pula yang baru saja nak mula maju tetapi terus bersifat menunjuk dan membesar diri, dan ini mengundang perasaan irihati jiran2 yang mungkin seterusnya menular ke perbuatan dengki & kianat.

4. banyak yang tak sedar diri, yang menyebabkan Dr. M dan juga tak kurang ramai Melayu lain mengeluarkan kata "Melayu mudah lupa!"

(Anwar maniac sesungguhnya menyedari sifat kelemahan Melayu seperti diatas, dan mengambil kesempatan sepenuhnya, terutama pada perkara 1 & 4.)

Masalah besar yang Melayu hadapi menjadi lebih rumit kerana kaum2 lain sentiasa mengapi2kan & berusaha giat supaya orang Melayu berterusan mengamalkan sifat buruk seperti di atas.

Banyak diantara mereka tidak nampak langsung gara2 ingin menunjukkan sikap bertoleransi, harmoni dan muhibbah antara kaum.

Hanya Melayu saja yang berlebih2 sangat hendakkan perpaduan, tapi mereka tetap dengan kepura2an dan lakunan yang dilakukan dengan cara terlalu mudah supaya orang2 Melayu senang memahami niat buruk mereka itu!

Mereka mendidik anak2 dari kecil lagi supaya tidak bergaul dengan anak2 Bumiputra!

Cara yang termudah untuk menyedarkan kaum keturunan pendatang yang tak sedar diri & tak tahu berterimakasih ni hanyalah dengan Bumiputra memperolehi majority 2/3 TANPA perwakilan mereka! Guan Eng boleh AMBIL seberapa banyak kerusi parlimen untuk DAP!

LET US BUMIS ONLY BE THE GOVERNMENT!

InsyaAllah.

#

Mis_bah's Gravatar Mis_bah

February 16, 2012 at 5:00 pm | Permalink

Assalamu Alaikum Tun,

Kita rakyat Malaysia memang mesti sentiasa berwaspada dengan propaganda barat..kita jangan mudah diperkotak katikkan dan diadudomba...

#

Abu Ahmed's Gravatar Abu Ahmed

February 16, 2012 at 1:34 pm | Permalink

Salam Tun,

Ramai penyokong tegar AI akan marah dan tentu sekali tidak percaya apabila dia dikaitkan dengan agenda besar Yahudi dan Amerika. Apa sahaja yang Tun luahkan mengenai AI akan membangkitkan nostalgia 1998. Penyokong AI akan menyatakan ini semua adalah tohmahan dan fitnah bagi menamatkan nafsu AI untuk duduk di kerusi Perdana Menteri.

Saya melihat AI mempunyai banyak persamaan dengan Lady Gaga; bakat beliau menjadi alat propaganda untuk melariskan media dan menyebarkan budaya popular yang merosakkan akhlak.

Berbondong-bondong akan datang mendengar AI memberi ceramah sama seperti konsert Lady Gaga yang akan penuh dengan pengikut beliau yang fanatik. Saya juga percaya ramai dikalangan yang datang mendengar ceramah adalah mereka yang telah 'ketagih' mendengar persembahan AI yang cukup bertenaga.

Inilah kelebihan yang dikurniakan oleh Allah swt kepada AI dan kita harus menggunakan akal dengan sebaiknya untuk menentukan adakah intipatinya betul walaupun persembahannya memang menakjubkan!
#

Ibnu Sulaiman's Gravatar Ibnu Sulaiman
February 16, 2012 at 12:04 pm | Permalink

Assalamua'laikum wrt... Tun yang dihormati,

“Kita” merujuk kepada diri penulis, berbahagia Tun dan pembaca mesej ini.

“Orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang Kami berikan Kitab itu mengetahui serta mengenalinya (Nabi Muhammad dan kebenarannya) sebagaimana mereka mengenal anak-anak mereka sendiri dan sesungguhnya sebahagian dari mereka berusaha menyembunyikan kebenaran itu, sedang mereka mengetahui (salahnya perbuatan yang demikian). (146)” (Terjemahan Surah Al-Baqarah ayat 146)

Begitu juga, saya, berbahagia Tun dan pembaca mesej ini adalah sama sahaja dengan orang Yahudi, Nasrani dan mungkin lebih hina dari mereka, jika mengetahui bahawa Al-Quran dan As-Sunnah sebagai dasar rujukan pertama dan paling utama, tetapi masih gagal berbuat demikian.

Cermin-cerminlah diri kita dahulu, sebelum mencari kesalahan orang lain. Jika masih gagal dan belum mampu membaca Al-Quran, memahaminya dan melaksanakannya.

rgds
Ibnu Sulaiman

Komen² Terdahulu:-

01. Jom Solat Fardu 5 Waktu Berjemaah
02. Ciri-ciri Asas Pemimpin
03. Yang Hidup Pasti Mati
04. Islam Menolak Fahaman Asabiah, Perkauman dan Kebangsaan
05. Bala Bencana!!! Apabila Hubungan Kita Dengan Allah SWT Tidak Dijaga
06. Adakah anda orangnya yang sanggup menghina Allah SWT dan Rasul-Nya?
07. Kata-kata Allah SWT dan Rasul-Nya paling tinggi makamnya
08. Apa Erti Sebuah keMERDEKAan?
09. Usahlah dibanggakan dgn Harta, Anak Pinak & Pangkat Kuasa
10. Kesan Buruk Sistem Kapitalis
11. Iklan Kekosongan Jawatan

#

Bubbles's Gravatar Bubbles
February 16, 2012 at 10:23 am | Permalink

Salam Tun,

Ada sedikit kesilapan pada komen saya. Saya tertinggal perkataan ‘akan’ lancarkan perang terhadap Iran.

Harap maaf.

#

Bubbles's Gravatar Bubbles
February 16, 2012 at 10:08 am | Permalink

Salam Tun,

Saya merasa hairan kenapa orang Melayu kita tak pandai berfikir walaupun lebih ramai orang Melayu yang berpelajaran tinggi kalau dibandingkan dengan masa datuk nenek moyang kita tapi kemampuan mereka untuk berfikir sangat terhad. Tidak hairan lah kenapa Tun pernah menangis apabila sebut tentang nasib orang Melayu.

Sudahlah tidak pandai menggunakan akal yang Allah kurniakan malah Quran dan Hadith yang Allah dan Rasullulah s.a.w bekalkan sebagai panduan hidup juga ditolak bukan sahaja orang biasa yang menolak malah dari kalangan mereka yang kononnya berpedidikan ugama pun sama juga. Mereka langgar segala larangan Allah. Mereka masih menyokong Anwar Ibrahim walaupun sudah terbukti Anwar Ibrahim mempunyai kawan kawan rapat dari kalangan :

1. Zionist Zionist yang memusuhi umat Islam dan membunuh beribu ribu umat Islam, wanita wanita dan kanak kanak yang tidak berdosa di Iraq, di Afghanistan dan Palestine. Mereka juga lancarkan perang dan membunuh beribu ribu lagi orang Islam diIran.

2. Golongan homosexual dan orang orang yang tidak bermoral.

Anwar Ibrahim sendiri adalah seorang yang tidak bermoral yang terlibat dengan banyak skandal. Pepatah Inggeris ada mengatakan “Birds of a feather will flock together”

Hanya satu saja ungkapan yang sesuai untuk mereka yang terus menyokong syaitan yang bertopengkan manusia ini.....BODOH GILA.

Mereka yang tahu tapi terus menyokong Anwar Ibrahim disebabkan kepentingan dunia, mereka akan terima azab Allah didunia dan juga diakhirat sekiranya mereka tidak bertaubat.

Alhamdulillah, Dr Hassan Ali dan ramai lagi sudah sedar. Allah beri taufiq dan hidayah hanya pada mereka yang ikhlas. Insyallah, yang bersih semua akan keluar dari pakatan syaitan ini.

Semoga Allah selamatkan Malaysia, semoga Allah selamatkan pemimpin pemimpin kita yang ikhlas dalam perjuangan menentang musuh musuh Islam ini. Semoga Allah selamatkan umat Islam diseluruh dunia.

Akhir sekali, I thank Allah for giving us a leader called Dr. Mahathir Bin Mohamad.

#

maae's Gravatar maae

February 16, 2012 at 2:03 am | Permalink

Salam Yang Berbahagia Tun,

1.Tulisan Tun kali ini tepat sekali kena sasaran. Orang biasa macam saya ada had nya untuk menulis sedemikian.

2.Kata Oghang Noghoghi – “Biso bona”. Hattan ada nyanyi lagu ni...

Tk Tun. Ini lah kebenaran nya yang rakyat mesti tahu. Demi Malaysia tercinta.Sesungguhnya boneka ini tidak keseorangan. Kumpulan mereka sudah lama di dalam negara ini untuk memporak perandakan segala-gala nya. Sampai semua kita akan hilang punca....

#

Khairul-Dean's Gravatar Khairul-Dean
February 15, 2012 at 11:31 pm | Permalink

Dear Dr. Mahathir Mohamad
Salam Hormat

A White House Conundrum
(wanting the daughter but not the father)

16. Melihat sokongan Amerika kepadanya Anwar Ibrahim adalah calon Amerika untuk melakukan "regime change" di Malaysia dengan menjadi Perdana Menteri Malaysia. Kerajaan yang ada sekarang tidak disenangi oleh Amerika kerana bersikap berkecuali, berbaik-baik dengan Cina dan Russia dan tidak menyokong sentimen Amerika terhadap Iran dan beberapa negara lain.

It is a fact that White House is more friendly with the Thailand, and Singapura, and the President of Republic of Indonesia. Perhaps Myanmar's Suu Kyi will be more important to them than Thailand in the future. Yudhoyono is now in his second term.

One would think that the White House is just aggressively baiting the present 10 Downing Street's choice for PM and not too serious about Anwar as a useable puppet; and one would consider the White House abhorrence of DAP which has a more stronger inclination to the PRC.

No, the Amerricans will not want Anwar as PM of Malaysia but maybe his Nurul Izzah. Therefore one thinks that a regime change in Malaysia will be initiated only when the replacement of the present Anglophile PM is Anwar himself.

Sekian

JB_FROM's Gravatar JB_FROM
February 15, 2012 at 9:48 pm | Permalink

Tun,

Pada bulan September 2011, Mahmud Abbas Presiden Palestin telah memohon keanggotaan Palestin sebagai ahli penuh Bangsa-bangsa Bersatu (UN).

